



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***STRATEGI PEMBACAAN UNTUK MEMAHAMI TEKS KOMSAS DALAM
KALANGAN PELAJAR ORANG ASLI***

MOHD ASHRI BIN ISMAIL

FBMK 2018 25



**STRATEGI PEMBACAAN UNTUK MEMAHAMI TEKS KOMSAS DALAM
KALANGAN PELAJAR ORANG ASLI**

Oleh

MOHD ASHRI BIN ISMAIL

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera**

Januari 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Hamparan jutaan terima kasih seluas langit terbuka buat

Isteri tersayang Ruhaida Abdullah
dan anak-anakku
Aisya, Aina, Aqif dan Amir yang dikasihi
kerana memahami diriku sepanjang perjalanan mencari ilmu ini

Buat ayah dan bonda tercinta
Ismail Draman dan Ramlah Ibrahim
Terima kasih kerana titipkan doa restu buat anakmu ini.
Buat adik beradik yang sentiasa disayangi
Terima kasih kerana beri dorongan dan semangat
Agar terus menimba ilmu di menara gading ini.

Penyelia daku yang amat komited dan dedikasi
Guru-guru yang tidak jemu mencurahkan ilmu seikhlas hati
Semua kaum keluarga yang mengerti dan memahami
Semua rakan yang menyokong dan menyumbang bakti
Terima kasih ku ucap dari sanubari
Moga semuanya mendapat kebahagiaan diakhirat nanti

Sekali lagi rakaman terima kasih yang tidak terungkap
Kepada semua insan yang mencetuskan inspirasi
Sehingga tercapai cita-cita ini
Terima kasih sekalung budi,
Moga kejayaan dinanti, dirahmati dan diberkati dari Ilahi.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

STRATEGI PEMBACAAN UNTUK MEMAHAMI TEKS KOMSAS DALAM KALANGAN PELAJAR ORANG ASLI

Oleh

MOHD ASHRI BIN ISMAIL

Januari 2018

Pengerusi: Sharil Nizam Sha'ri, PhD

Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Strategi pembacaan untuk memahami teks Komponen Kesusasteraan Melayu (KOMSAS) diperlukan dalam kalangan pelajar untuk meningkatkan penguasaan teks prosa moden dan tradisional. Namun begitu, kebanyakan pelajar tidak menggunakan strategi pemahaman teks yang betul menyebabkan mereka tidak memahami kandungan teks bacaan. Kajian ini bertujuan untuk menentukan pencapaian pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli sebelum dan selepas menggunakan strategi PQ4R (Harley, 2014), dan menganalisis tahap keaktifan pemahaman teks KOMSAS dalam kalangan pelajar Orang Asli.

Kajian secara lapangan ini menggunakan kaedah eksperimen kuasi dengan menerapkan strategi PQ4R yang melibatkan langkah Prebiu, Soalan dan 4R, iaitu Baca, Refleksi, Baca Semula dan Semak dalam pengajaran pemahaman teks prosa moden dan tradisional. Seramai 50 pelajar tingkatan empat dalam kalangan Orang Asli di SMK Kuala Krau, Temerloh, Pahang Darul Makmur dipilih menjadi sampel kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli sebelum dan selepas menggunakan strategi PQ4R mencatatkan pencapaian yang baik dan cemerlang. Hal ini bermakna pemahaman teks KOMSAS dalam prosa moden dan tradisional oleh pelajar telah mencapai tahap yang positif selepas menggunakan strategi PQ4R, berbanding tahap yang lemah dan sangat lemah sebelum aplikasi dilakukan oleh pelajar.

Hasil analisis data kuantitatif daripada SPSS menunjukkan bahawa sebelum strategi PQ4R diperkenalkan kepada pelajar, min markah pencapaian ujian pemahaman prosa moden adalah sebanyak 3.34. Selepas strategi PQ4R diperkenalkan kepada pelajar sebelum mereka membaca dan memahami teks, skor min meningkat kepada 6.32.

Min markah pencapaian ujian bagi pemahaman prosa tradisional dalam kalangan pelajar sebelum menggunakan strategi PQ4R adalah sebanyak 2.54 berbanding dengan 5.76 selepas menggunakan strategi PQ4R. Dalam makna yang lebih luas, min markah pencapaian ujian pemahaman teks prosa moden lebih tinggi daripada teks prosa tradisional. Seterusnya, proses tahap keaktifan pemahaman teks KOMSAS menggunakan strategi PQ4R dalam kalangan pelajar Orang Asli mencatatkan pencapaian sangat tinggi. Kajian berkaitan strategi pembacaan untuk memahami prosa memberi manfaat kepada pelajar untuk menguasai pelbagai teks yang dipelajari dengan berkesan setelah menggunakan strategi yang betul.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

READING STRATEGY TO UNDERSTAND MALAY LITERATURE COMPONENT TEXT AMONG ORANG ASLI STUDENTS

By

MOHD ASHRI BIN ISMAIL

January 2018

Chairman: Sharil Nizam Sha'ri, PhD
Faculty: Modern Languages and Communication

The reading strategy to understand Malay Literature Component (KOMSAS) text is required among students to enhance the mastery of modern and traditional prose texts. However, most students do not use the correct textual comprehension strategy so they do not understand the contents of the reading text. This study aims to determine the achievement of the modern and traditional prose of KOMSAS texts among Orang Asli students before and after using the PQ4R strategy (Harley, 2014), and analyzing the comprehension activeness level of KOMSAS text among Orang Asli students.

This field study uses a quasi-experimental method by applying the PQ4R strategy involving Preview, Questions and 4R steps, namely Read, Reflect, Recite and Review in the teaching of modern and traditional prose texts. A total of 50 form four students among the Orang Asli at SMK Kuala Krau, Temerloh, Pahang Darul Makmur were selected as the sample of this study. The findings show that the understanding of KOMSAS's modern and traditional prose texts among Orang Asli students before and after using the PQ4R strategy has recorded good and excellent achievement. This means that the comprehension of KOMSAS texts in modern and traditional prose by students has reached a positive level after using the PQ4R strategy, compared to weak and very weak levels before the application is done by the student.

The results of quantitative data analysis from SPSS show that before the PQ4R strategy was introduced to the students, the mean score of the modern prose understanding test was 3.34. After the PQ4R strategy was introduced to students before they read and understood the text, mean score increased to 6.32. Min score of test achievement for traditional prose comprehension among students before using

PQ4R strategy was 2.54 compared with 5.76 after using PQ4R strategy. In a broader sense, the mean achievement test scores of modern prose text comprehension are higher than traditional prose text. Furthermore, the comprehension activating process of KOMSAS texts using the PQ4R strategy among Orang Asli students recorded a very high achievement. The study of reading strategies to understand prose is beneficial to students to master the various texts learned effectively after using the correct strategy.



PENGHARGAAN

Segala puji dipanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya kerana saya dapat menyiapkan penulisan ilmiah ini untuk memperoleh Master Sastera (Bahasa Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Dr. Sharil Nizam Sha'ari yang merupakan pengerusi Jawatan Kuasa Penyeliaan tesis ini yang sangat baik dan komited dengan memberi bimbingan sehingga penulisan tesis ini berjaya disiapkan.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Profesor Madya Dr. Noor Aina Dani dan Profesor Madya Dr. Nik Rafidah Binti Nik Affendi selaku ahli jawatankuasa atas kesudian memberi bimbingan dan idea dalam membantu saya menyiapkan tesis ini. Selanjutnya, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang telah memberi ilmu yang berguna kepada saya sepanjang pengajian di universiti ini. Sesungguhnya segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan dalam pengajian ini amat bermakna dan membantu saya dalam menyelesaikan tesis ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan buat kedua ibu bapa dan ibu mertua yang memahami jerih payah saya dalam mencari secangkir ilmu di menara gading. Jutaan terima kasih ditujukan buat adik beradik yang sentiasa memberi semangat serta dorongan kepada saya dalam menyiapkan tesis ini. Doa dan restu kalian sangat memberi semangat kepada saya untuk terus berusaha dan mengharungi segala cabaran dengan tabah demi menggapai sebuah impian. Segala sokongan dan dorongan daripada kalian amat saya hargai.

Kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengetua, guru-guru serta pelajar di SMK Kuala Krau dan SMK Mengkarak yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam menyiapkan tesis ini. Selain itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang kerana memberi kerjasama yang baik dalam membenarkan saya menjalankan penyelidikan ini.

Akhir sekali, kejayaan tesis ini juga ditujukan khas buat isteri tersayang Ruhaida Abdullah dan anak-anak yang dikasihi, iaitu Aisyah, Aina, Aqif dan Amir yang sentiasa memahami dan menyokong saya sepanjang perjalanan mencari ilmu yang amat bermakna ini. Tidak dilupakan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang telah membantu saya menyiapkan tesis kajian ini. Sesungguhnya segala yang baik datang daripada Allah SWT, yang buruk daripada kekurangan diri saya sendiri.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Sharil Nizam Sha'ri, PhD

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Noor Aina binti Dani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Nik Rafidah binti Nik Affendi, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putera Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Mohd Ashri bin Ismail (GS43738)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Sharil Nizam Sha'ri

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Prof.Madya Dr. Nik Rafidah Nik Affendi

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Noor Aina Dani

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.2.1 Strategi Bacaan	2
	1.2.2 Pemahaman membaca	3
	1.2.3 Teks KOMSAS	4
	1.2.4 Orang Asli	6
	1.2.5 Strategi Pembacaan untuk memahami Teks KOMSAS dalam Kalangan Orang Asli	7
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Batasan Kajian	10
	1.8 Definisi Operasional	10
	1.9 Kesimpulan	12
2	SOROTAN KAJIAN	
	2.1 Pengenalan	13
	2.2 Kajian Berkaitan Pemahaman Membaca	13
	2.3 Kajian Berkaitan Strategi PQ4R	15
	2.4 Perkaitan Sorotan Literatur Dengan Kajian	17
	2.5 Kesimpulan	18
3	METODOLOGI	
	3.1 Pengenalan	19
	3.2 Reka Bentuk Kajian	19
	3.3 Kerangka Teori	19
	3.3.1 Strategi PQ4R	19
	3.4 Kerangka Konseptual Kajian	25
	3.5 Tempat Kajian	26
	3.6 Populasi & Pensampelan	26
	3.7 Kaedah Kajian	26
	3.8 Pendekatan Kajian	30
	3.9 Pemboleh ubah kajian	30

3.10	Alat Kajian	31
3.11	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	33
3.12	Tatacara Kajian	33
3.12.1	Kajian Rintis	33
3.12.2	Kajian Sebenar	33
3.13	Penganalisan Data	34
3.14	Kesimpulan	37
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Persembahan Dapatan	38
4.2	Profil Subjek Kajian	38
4.3	Pemahaman Teks KOMSAS Sebelum Menggunakan Strategi PQ4R	39
4.3.1	Pencapaian Pemahaman Teks Prosa Moden Berdasarkan Soalan Sebelum Menggunakan Strategi PQ4R	39
4.3.2	Pencapaian Pemahaman Teks Prosa Tradisional Berdasarkan Soalan Sebelum Menggunakan Strategi PQ4R	41
4.3.3	Pencapaian Pemahaman Teks Prosa Moden Sebelum Menggunakan Strategi PQ4R	42
4.3.4	Pencapaian Pemahaman Teks Prosa Tradisional Sebelum Menggunakan Strategi PQ4R	43
4.4	Pemahaman Teks KOMSAS Selepas Menggunakan Strategi PQ4R	45
4.4.1	Pencapaian Pemahaman Teks Prosa Moden Berdasarkan Soalan Selepas Menggunakan Strategi PQ4R	45
4.4.2	Pencapaian Pemahaman Teks Prosa Tradisional Berdasarkan Soalan Selepas Menggunakan Strategi PQ4R	47
4.4.3	Pencapaian Pemahaman Teks Prosa Moden Selepas Menggunakan Strategi PQ4R	48
4.4.4	Pencapaian Pemahaman Teks Prosa Tradisional Selepas Menggunakan Strategi PQ4R	49
4.5	Perbezaan Min Pencapaian Pemahaman Teks KOMSAS Prosa Moden dan Prosa Tradisional Sebelum dan Selepas Menggunakan Strategi PQ4R	50
4.6	Proses Pemahaman Membaca Strategi PQ4R dalam Kalangan Pelajar Orang Asli	52
4.6.1	Tahap Keaktifan Pemahaman Teks KOMSAS dalam Kalangan Pelajar Orang Asli	52
4.6.2	Proses Aktiviti Pembelajaran Strategi PQ4R	56
4.7	Rasional Teori Dengan Dapatan Kajian	58
4.7.1	Strategi PQ4R	59
4.8	Implikasi Kajian	60
4.9	Kesimpulan	61

5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	62
5.2	Rumusan	62
5.3	Cadangan	64
5.3.1	Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	65
5.3.2	Cadangan Kepada Guru Bahasa Melayu	65
5.3.3	Cadangan Kepada Pelajar Sekolah Menengah	66
5.5.4	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	66
5.4	Kesimpulan	67
	BIBLIOGRAFI	68
	LAMPIRAN	75
	BIODATA PELAJAR	106
	SENARAI PENERBITAN	107

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
3.1 Langkah-langkah strategi PQ4R	23
3.2 Reka Bentuk Kuasi Eksperimen	27
3.3 Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman	28
4.1 Latar Belakang Responden Berdasarkan Jantina	39
4.2 Pencapaian praujian Pemahaman Teks Prosa Moden Berdasarkan Soalan Sebelum Menggunakan Strategi PQ4R	40
4.3 Pencapaian praujian Pemahaman Teks Prosa Tradisional Berdasarkan Soalan Sebelum Menggunakan Strategi PQ4R	41
4.4 Pencapaian Pemahaman teks KOMSAS Prosa Moden Sebelum Menggunakan Strategi PQ4R	42
4.5 Pencapaian Pemahaman teks KOMSAS Prosa Tradisional Sebelum Menggunakan Strategi PQ4R	44
4.6 Pencapaian Pascaujian Pemahaman Teks Prosa Moden Berdasarkan Soalan Selepas Menggunakan Strategi PQ4R	46
4.7 Pencapaian Pascaujian pemahaman Teks Prosa Tradisional Berdasarkan Soalan Selepas Menggunakan Strategi PQ4R	47
4.8 Pencapaian Pemahaman Teks KOMSAS Prosa Moden Selepas Menggunakan Strategi PQ4R	48
4.9 Pencapaian Pemahaman Teks KOMSAS Prosa Tradisional Selepas Menggunakan Strategi PQ4R	49
4.10 Perbezaan Min Pencapaian Pemahaman Teks Prosa Moden dan Tradisional sebelum dan selepas menggunakan strategi PQ4R	51
4.11 Proses Keaktifan Pemahaman Teks KOMSAS dalam kalangan Pelajar Orang Asli dengan menggunakan strategi PQ4R	53

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
3.1 Strategi PQ4R	20
3.2 Kerangka Konseptual	25



SENARAI SINGKATAN

BM	-Bahasa Melayu
KOMSAS	-Komponen Sastera
KPM	-Kementerian Pendidikan Malaysia
SMK	-Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	-Sijil Pelajaran Malaysia
SEMEKAR	-Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Krau



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam proses mempelajari bahasa Melayu, aspek kemahiran membaca sangat penting dikuasai oleh seseorang pelajar untuk memahami teks yang dibaca dengan lebih baik. Kemahiran bahasa seperti membaca membolehkan murid menggunakan bahasa Melayu secara berkesan sebagai bahasa ilmu dalam kehidupan seharian (Noor Asiah, 2013). Kementerian Pendidikan Malaysia (2000) menekankan konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di peringkat menengah melibatkan penguasaan kemahiran membaca. Penguasaan kemahiran membaca dikaitkan dengan proses membaca untuk mendapatkan maklumat yang sesuai dengan matlamat kurikulum. Matlamat kurikulum tersebut adalah bertujuan melengkapkan diri pelajar dengan ketrampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan mahupun urusan harian.

Aspek kemahiran membaca dalam sukatan pelajaran bahasa Melayu tingkatan empat, merujuk kepada keupayaan pelajar membaca dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul. Oleh itu, penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan ilmu dan sastera secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan. Penekanan kepada aspek kemahiran membaca sangat penting kepada pembaca, terutama dalam kalangan pelajar Orang Asli. Kepentingan pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli dan Penan sangat dititikberatkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) bertujuan untuk membantu mereka mendapatkan pendidikan asas supaya turut sama memberi sumbangan kepada negara.

Melalui dasar Kementerian Pendidikan ini, pelajar Orang Asli diberi penekanan terhadap kepentingan pendidikan kerana mereka dianggap golongan yang berisiko tinggi dan perlu diberi perhatian segera agar tidak tercicir dalam arus perdana pendidikan negara. Matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) adalah untuk memastikan pelajar Orang Asli peringkat menengah, mempunyai kemahiran berfikir secara kreatif, kritis dan inovatif serta mempunyai jati diri kenegaraan yang tinggi, di samping menguasai dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan Inggeris. Selaras dengan hasrat itu, penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Orang Asli terutama dalam kemahiran membaca perlu diberi penekanan pada peringkat sekolah rendah lagi. Hal ini kerana keupayaan kemahiran pemahaman teks yang dibaca melahirkan masyarakat Orang Asli yang berilmu pengetahuan dan bermaklumat.

Safiah (1992) menyatakan bahawa kemahiran pemahaman merupakan kemahiran menerima, tetapi kemahiran tersebut tetap memerlukan penglibatan aktif, bukan penyerap yang pasif. Hal ini demikian kerana kemahiran pemahaman melibatkan kebolehan untuk membuat penilaian, penyusunan dan mentelaah sesuatu bahan yang

telah didengar dan dibaca. Kebolehan tersebut bersifat aktif kerana minda harus sentiasa dijana dengan giat supaya hasil penilaian, penyusunan dan pentelahan lebih sempurna. Bagi seseorang pembaca, pemahaman terhadap teks bacaan sangat penting untuk mendapatkan maklumat yang ingin disampaikan oleh penulis. Justeru, kajian ini membincangkan dengan lebih lanjut strategi pembacaan untuk memahami teks KOMSAS dalam kalangan pelajar Orang Asli.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahagian ini menghuraikan latar belakang berkaitan strategi pembacaan, pemahaman bacaan, teks KOMSAS dan Orang Asli.

1.2.1 Strategi Pembacaan

Keberkesanan dalam pembacaan adalah amat penting dan perlu ditekankan oleh para pelajar ketika membaca. Fadzilah (1999) menerangkan bahawa kefahaman membaca adalah satu proses membaca, memahami dan membuat tindak balas serta dapat menggunakan idea kritis. Hal ini melibatkan pemikiran tentang perkara yang tersurat dan tersirat, menghubungkan idea-idea, menyoal, bertindak balas dan menilai idea, juga mengaplikasikan maklumat ke dalam situasi baru. Proses membaca yang berkesan memerlukan kemahiran yang tertentu samada sebelum, semasa ataupun selepas proses membaca (Yahya, 2003). Oleh itu, pelajar perlu mengetahui dan melatih diri membaca dengan betul berdasarkan kaedah pembacaan yang ada. Kaedah pembacaan yang tidak betul akan menyebabkan pelajar berasa cepat bosan, kurang berminat dan cepat berasa mengantuk.

Kemahiran membaca terbahagi kepada dua bahagian yang utama iaitu membaca secara pantas dan membaca secara kritis. Sebagai contoh membaca secara pantas adalah seperti teknik sepintas lalu (*scanning*) dan bacaan sekilas (*skimming*). Dalam kajian ini, strategi PQ4R merupakan alternatif yang digunakan oleh guru dan pelajar sebagai satu kaedah bacaan dan kaedah kemahiran belajar secara kritis. Strategi PQ4R membolehkan pelajar mendapatkan maklumat daripada teks, memahami maklumat, mengingat maklumat lebih lama dan dapat menggunakan semula maklumat yang disimpan dalam minda. Hubungan antara strategi PQ4R dengan kefahaman membaca adalah bersesuaian kerana menumpukan aspek mendapatkan maklumat daripada teks bacaan, dan dapat menggunakan kembali maklumat yang diperoleh dalam pembacaan (Saniah et al., 2000).

Woolfolk (1995) pernah mencadangkan supaya strategi PQ4R yang diasaskan oleh Thomas dan Robinson (1972) dijadikan sebagai salah satu kemahiran yang dikuasai oleh pelajar kerana strategi ini dapat membantu pembaca untuk memahami dan mengingat idea-idea daripada bahan yang dibaca dalam proses pembelajaran. Dalam strategi PQ4R ini, kaedah penghuraian idea merupakan salah satu cara untuk meningkatkan kefahaman dan ingatan. Selain itu, proses pembelajaran berlaku

apabila pembaca dapat mengaitkan maklumat baru dengan pengetahuan sedia melalui strategi PQ4R (Ausubel, 1963). Anderson (1980) menyatakan bahawa strategi PQ4R membantu pelajar meningkatkan ingatan kerana dalam strategi PQ4R terdapat langkah pembinaan soalan yang dibina sendiri oleh pembaca dan usaha-usaha untuk menjawab soalan yang telah dibina dapat menggalakkan proses penerokaan yang mendalam terhadap teks yang dibaca.

1.2.2 Pemahaman Bacaan

Dalam aktiviti membaca, pemahaman merupakan satu tindakan yang bertujuan untuk memahami teks yang dibaca bagi mendapatkan informasi. Proses ini melibatkan individu memahami sesuatu bacaan berdasarkan tulisan daripada teks yang dibaca. Yahya (2005) berpendapat pemahaman membaca merujuk kepada kebolehan pembaca memahami teks yang dibaca dan kandungan teks memberi makna kepada pembaca. Oleh itu, dalam aktiviti pembacaan, seseorang perlu menguasai aspek bahasa atau tulisan dalam bahan yang dibaca agar maklumat penting yang terdapat dalam bacaan dapat diperolehi dan difahami oleh pembaca.

Dalam proses membaca, pemahaman terhadap kandungan teks yang dibaca merupakan matlamat utama yang perlu dicapai oleh pembaca. Oleh itu, seseorang pembaca perlu mempunyai matlamat untuk mendapatkan maklumat dan memahami keseluruhan idea-idea penting yang terdapat dalam teks bahan bacaan yang dibaca. Menurut Marohaini (1999) pemahaman ketika proses membaca bukan sekadar menjawab soalan pemahaman atau memahami makna beberapa rangkai kata, tetapi melibatkan proses mendapatkan makna teks dan strategi yang digunakan untuk tujuan pemahaman. Menurutnya lagi, pemahaman membaca merupakan keupayaan menubuhkan, mentafsir dan menilai sesuatu terhadap bahan yang dibaca.

Selain itu, pemahaman merupakan satu proses untuk mendapatkan makna melalui komunikasi lisan, tulisan atau penggunaan lambang-lambang tertentu yang merangkumi proses mental yang kompleks. Oleh itu, seseorang pembaca tidak boleh dianggap sebagai perlakuan membaca apabila bahan yang dibaca tidak dapat difahami dari segi makna yang ingin disampaikan oleh penulis. Kamarudin (1998) merujuk pemahaman sebagai kebolehan pembaca memahami teks yang bertulis dengan memetik maklumat daripada bahan bacaan secepat mungkin. Pembaca yang mahir menolak maklumat yang tidak berkaitan dengan cepat dan hanya menumpukan perhatian kepada perkara yang diperlukan sahaja. Pembaca bukan sahaja perlu memahami intipati maklumat daripada bahan bacaan tetapi perlu lebih berusaha secara terperinci terhadap pemahaman teks dibaca.

Seterusnya, Smith (1994) percaya pembaca perlu berkemampuan mengorganisasi kandungan teks dengan skemata yang dimiliki berdasarkan bahan yang dibaca. Hal ini menunjukkan dalam proses membaca matlamat utama yang perlu dicapai oleh pembaca adalah pemahaman terhadap kandungan bahan yang dibaca. Melalui pemahaman membaca ini, pembaca akan dapat memperolehi maklumat yang

terdapat dalam teks bacaan dan dapat menjawab persoalan yang timbulkan serta boleh merumus kandungan teks yang dibaca.

Selain itu, menurut Irwin (1991), terdapat tiga faktor kontekstual yang mempengaruhi aktiviti pemahaman teks bacaan iaitu konteks pembaca, teks dan situasi. Faktor konteks pembaca merujuk kepada faktor mempengaruhi pembaca dalam membuat interpretasi ke atas teks bacaan seperti latar belakang pembaca yang meliputi minat, sikap, harapan dan pengetahuan sedia ada. Konteks teks pula merujuk kepada ciri-ciri teks yang dibaca seperti bilangan perkataan, panjang ayat, koheren perenggan dan organisasinya dan faktor konteks situasi merujuk kepada keadaan situasi keseluruhan ketika membaca.

Manakala, bagi Goodman (1967) tujuan seseorang yang membaca teks bacaan adalah untuk mendapatkan pemahaman. Pada pandangannya, pembaca perlu mempunyai pegangan sendiri tentang konsep membaca yang merupakan satu proses untuk mendapatkan makna. Hal ini menunjukkan dalam proses membaca, kebolehan seseorang menggunakan pengetahuan sedia ada sangat penting agar kebolehan memahami teks yang dibaca dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

Secara keseluruhan, pemahaman bacaan teks merupakan aspek yang sangat penting dalam proses membaca melibatkan kemampuan pembaca memahami isi yang terkandung dalam bahan bacaan di samping memastikan maklumat dan idea yang ingin disampaikan oleh pengarang dapat diperolehi dengan jelas dan baik. Hal ini kerana melalui pemahaman seseorang terhadap bahan bacaan yang dibaca akan meningkatkan ketrampilan ketika membaca, seterusnya mencapai matlamat dan objektif yang dikendaki dalam bacaan.

1.2.3 Teks KOMSAS

Teks Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu (KOMSAS) ialah teks wajib yang mula diperkenalkan secara berperingkat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada bulan Mac pada tahun 2000 untuk tingkatan 1 dan 4. Kementerian Pendidikan telah mengubah format peperiksaan kertas bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan memasukkan elemen KOMSAS sebagai soalan yang wajib dalam kertas 2 bahasa Melayu dalam peperiksaan tersebut. Penilaian penggunaan teks KOMSAS ini mula diuji dalam peperiksaan SPM pada tahun 2001 dan PMR pada tahun 2002. Abdul Murad (2009) merujuk teks KOMSAS sebagai teks atau bahan-bahan sastera yang dirangkumkan menjadi KOMSAS merupakan komponen yang wajib diajar dalam mata pelajaran bahasa Melayu di peringkat menengah.

Teks KOMSAS tersebut dibekalkan oleh Bahagian Buku Teks, KPM melalui program skim pinjaman buku teks di sekolah. Pelaksanaan penggunaan teks KOMSAS adalah untuk menggantikan bahan sastera dalam bahasa Melayu yang

telah diguna pakai sebelum ini (Lim Swee Tin, 2005). Selain itu, teks KOMSAS yang digunakan di sekolah adalah merupakan antara teks yang ditulis oleh Sasterawan Negara dan yang memenangi Hadiah Sastera di peringkat Kebangsaan. Pemilihan teks KOMSAS ini dijalankan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK), KPM. Teks KOMSAS yang baru dipilih akan bertukar setiap lima tahun sekali dan diagihkan mengikut zon yang telah ditetapkan oleh kementerian.

Berdasarkan surat pekeliling iktisas bil.5/2000 menyatakan bahawa penggunaan teks KOMSAS ini melibatkan empat zon utama iaitu Zon 1 melibatkan negeri Selangor, Perlis, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Manakala Zon 2 melibatkan negeri Sabah, Sarawak, Pahang dan Terengganu dan Zon 3 terdiri daripada negeri Melaka, Johor dan Kelantan. Seterusnya, Zon 4 melibatkan negeri Perak, Kedah dan Pulau Pinang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Teks KOMSAS yang wajib digunakan dalam pengajaran bahasa Melayu disekolah terbahagi kepada dua bahagian iaitu antologi dan novel. Antologi teks KOMSAS memuatkan karya genre kesusasteraan Melayu yang penting seperti prosa tradisional, puisi tradisional, sajak, cerpen dan drama.

Maridah Alias (2005) menegaskan bahawa teks komponen sastera wajib digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk membolehkan pelajar menikmati, menghargai, mengetahui ilmu sastera dan mengukuhkan kemahiran bahasa dalam kalangan pelajar. Seterusnya, pandangan yang sama turut dinyatakan oleh Abdullah (2007) bahawa langkah pihak kementerian pendidikan menjadikan KOMSAS sebagai komponen wajib dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu merupakan satu usaha yang wajar supaya dapat menarik minat para pelajar seterusnya meningkatkan kemahiran bahasa pelajar dalam bahasa Melayu.

Teks KOMSAS yang dipilih dan digunakan di sekolah ini merupakan medium yang sesuai dengan tahap dan keperluan pelajar di sekolah menengah kerana dapat membantu melahirkan pelajar yang lebih berketerampilan melalui kemahiran bertutur, membaca dan menulis yang merupakan aspek-aspek kemahiran yang penting ditekankan dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Lim (2011) menyatakan bahawa penggunaan teks KOMSAS dalam pengajaran bahasa Melayu pada dasarnya tidak boleh lari daripada dua perkara iaitu untuk memahami dan menghayati teks kesusasteraan Melayu serta ketrampilan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Kedua-dua aspek ini saling menyokong antara satu sama lain, namun begitu yang menjadi terasnya masih ilmu bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan unsur sastera ini dapat membantu untuk mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan masyarakat yang seimbang dan harmoni dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (Jeri & Zamri, 2011), di samping mengukuhkan lagi penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Secara keseluruhannya, teks KOMSAS yang digunakan di sekolah memberi banyak manfaat kepada pelajar dengan meningkatkan penguasaan dalam bahasa Melayu, di samping dapat membudayakan amalan membaca di sekolah serta membina jati diri dalam kalangan masyarakat Malaysia umumnya.

1.2.4 Orang Asli

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum. Salah satunya ialah kaum masyarakat Orang Asli. Etnik Orang Asli merupakan kaum pribumi yang merupakan populasi yang bertaburan di semenanjung Malaysia. Khairul Hisham & Ibrahim (2007) mentakrifkan Orang Asli ialah kumpulan minoriti masyarakat peribumi di Malaysia yang juga dikenali sebagai orang asal di semenanjung Malaysia. Terdapat tiga kumpulan masyarakat Orang Asli iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli yang dipecahkan kepada 18 suku kaum yang lebih kecil berdasarkan perbezaan asal usul, bahasa dan bentuk fizikal mereka. Seterusnya, masyarakat Orang Asli negrito banyak terdapat di kawasan utara dan semenanjung Malaysia.

Manakala masyarakat Orang Melayu Asli yang dikenali sebagai Melayu Pagan dan Jakut, kebanyakannya mendiami kawasan selatan. Selain itu, masyarakat Orang Asli Senoi dikenali sebagai Sakai banyak terdapat dibahagian tengah dan utara semenanjung Malaysia. Menurut Carey (1976), Orang Asli Jah Hut merupakan salah sebuah suku kaum Orang Asli dari kumpulan Senoi. Menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli (2014) menunjukkan bahawa terdapat seramai 178,197 (0.63%) Orang Asli daripada 28.3% penduduk di Malaysia. Daripada dapatan bancian penduduk, negeri Pahang merupakan jumlah Orang Asli yang teramai iaitu seramai 67,506 orang. Manakala negeri Perak mencatatkan kedudukan kedua teramai iaitu 53,299 orang dan seramai 17,587 orang menetap di negeri Selangor.

Selain itu, masyarakat Orang Asli juga terdapat negeri Kelantan seramai 13,457 orang, di negeri Johor seramai 13,139 orang dan negeri Melaka 1,515 orang. Masyarakat Orang Asli juga terdapat di negeri Terengganu iaitu seramai 893 orang dan seramai 270 orang berada di negeri Kedah (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2014). Penduduk Orang Asli dianggarkan berjumlah 213,725 orang pada tahun 2015 berdasarkan kadar pertumbuhan 4.65% bilangan Orang Asli di semenanjung Malaysia.

Aspek pendidikan merupakan perkara yang sangat penting yang dititik beratkan oleh pihak kerajaan kepada masyarakat Orang Asli. Hal ini kerana melalui aspek pendidikan akan meningkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Pendidikan merupakan mekanisme penyama yang membantu mempercepatkan proses integrasi Orang Asli masuk ke dalam masyarakat aliran perdana. Hal ini menunjukkan bahawa aspek pendidikan dalam kalangan anak masyarakat Orang Asli sangat penting untuk melahirkan masyarakat yang berpendidikan dan berpengetahuan seiring dengan kemajuan negara (Abdul Rahim, 2015).

Kebanyakan ibu bapa dalam kalangan masyarakat Orang Asli pada masa kini mempunyai kesedaran terhadap pendidikan anak-anak mereka. Hal ini disokong dengan kajian Mohamad Johdi & Abdul Razak (2009), iaitu kebanyakan ibu bapa masyarakat Orang Asli mempunyai kesedaran kepada pendidikan dengan

menghantar anak-anak mereka sejak diperingkat awal lagi iaitu pra sekolah dan sekolah rendah. Pada masa kini, seramai 46,235 anak-anak Orang Asli yang sedang mengikuti pendidikan diperingkat tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi di Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran terhadap pendidikan semakin meningkat dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Malaysia (Abdul Rahim, 2015).

1.2.5 Strategi Pembacaan Memahami Teks KOMSAS dalam Kalangan Pelajar Orang Asli

Kajian yang dijalankan adalah berkaitan strategi pembacaan untuk memahami teks KOMSAS dalam kalangan pelajar Orang Asli. Dalam kajian ini strategi PQ4R diajar kepada pelajar Orang Asli dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Strategi PQ4R ini diajar kepada pelajar Orang Asli untuk memperbaiki dan meningkatkan kefahaman mereka dalam memahami teks bacaan. Melalui strategi PQ4R memberi manfaat kepada pelajar untuk mengingat bahan bacaan yang dibaca di samping membantu proses pembelajaran di dalam kelas dengan aktiviti membaca teks bacaan mahupun buku (Trianto, 2009). Menurut Siti (2016) langkah-langkah strategi PQ4R melibatkan kegiatan membaca pelajar lebih terarah dengan tujuan yang jelas untuk mendapatkan maklumat daripada bacaan sesuai dengan pertanyaan yang dibuat sebelum membaca. Hal ini menunjukkan pembaca tidak hanya menghafal bacaan tetapi mampu memahami isi bacaan.

Strategi PQ4R merupakan satu kemahiran membaca yang diajar kepada pelajar Orang Asli tingkatan 4 di SMK Kuala Krau untuk meningkatkan kemahiran memahami teks bacaan terutamanya pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional. Justeru, pengajaran strategi PQ4R dalam kalangan Orang Asli akan dapat membantu pelajar Orang Asli meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Melayu apabila mereka dapat menjawab petikan pemahaman prosa moden dan tradisional dengan lebih baik disebabkan penguasaan pemahaman teks yang lebih berkesan. Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji akan melihat strategi PQ4R digunakan oleh pelajar Orang Asli tingkatan 4 di SMK Kuala dalam memahami teks KOMSAS prosa moden dan tradisional. Penilaian terhadap keberkesanan strategi PQ4R dapat dilihat dalam pascaujian pemahaman teks KOMSAS berdasarkan skor pencapaian yang diperolehi oleh pelajar Orang Asli selepas pengajaran dan pembelajaran strategi PQ4R telah dilaksanakan dalam kajian ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam mencapai tingkat memahami bahasa Melayu, kemahiran membaca merupakan perkara asas yang ditekankan kepada pelajar untuk memahami kandungan sesuatu teks yang dibaca sejak di bangku sekolah lagi. Pendedahan dan penguasaan kemahiran membaca ini merupakan asas penting yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar bagi memudahkan proses pembelajaran bahasa Melayu dengan lebih baik. Namun begitu, pada hari ini kemahiran membaca dalam kalangan pelajar masih di

peringkat lemah kerana mereka kurang memahami keseluruhan kandungan teks yang dibaca terutamanya bahan ilmiah dan masalah memahami teks berlaku bermula dari peringkat rendah, menengah dan berterusan hingga ke peringkat pengajian tinggi (Yahya, 2008).

Kelemahan penguasaan kemahiran kefahaman membaca oleh pelajar menyukarkan mereka menguasai kemahiran bacaan pada peringkat tinggi iaitu infrensi, kritikal, kreatif dan afektif (Wan Dyarudin, 2017). Menurut Zamri (2014) terdapat kelemahan calon yang tidak memahami kehendak soalan yang dikemukakan dalam peperiksaan awam negara sehingga menyebabkan calon tidak dapat memberikan isi berdasarkan soalan. Hal ini menunjukkan kemahiran memahami kehendak soalan merupakan kemahiran kefahaman membaca yang tidak difahami oleh pelajar ketika menjawab soalan petikan pemahaman.

Rusdi (2011) menyatakan bahawa kelemahan penguasaan kemahiran turut diakui oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia pada tahun 2000. Dalam kajian Rusdi (2011) menunjukkan laporan peperiksaan SPM 2000 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menunjukkan kelemahan calon dalam kefahaman teks, iaitu calon tidak menurut kehendak soalan dengan memberi jawapan yang kurang tepat serta menyalin bulat-bulat daripada petikan serta alasan yang diberikan dalam jawapan tidak sesuai. Hal ini menunjukkan bahawa wujud masalah dalam mata pelajaran bahasa Melayu iaitu pelajar masih lemah dalam memahami teks dan menghadapi masalah dalam menjawab soalan kefahaman.

Selain itu, Noor Rohana (2009) melaporkan bahawa mengikut laporan peperiksaan Malaysia menunjukkan para pelajar masih lemah untuk memahami tugas soalan yang menyebabkan mereka gagal mengemukakan jawapan mengikut kehendak soalan. Laporan peperiksaan Malaysia menunjukkan pelajar gagal memahami kehendak tugas soalan yang melibatkan pertanyaan 'siapa', 'mengapa' 'apakah', 'bukti-bukti...' menyebabkan pelajar gagal memberikan isi-isi mengikut keperluan soalan yang dikemukakan. Hal ini menunjukkan berlaku kelemahan memahami soalan pemahaman dalam kalangan calon peperiksaan SPM.

Yahya (2008) berpendapat bahawa apabila seorang murid itu lemah tahap penguasaannya dalam bacaan, maka implikasinya ialah mereka akan lemah dari segi kefahaman. Hal ini selari dengan pandangan Mohd Zaini (2002) ketidakcekapan menguasai kemahiran kefahaman bacaan menyebabkan terdapat soalan kefahaman tidak dijawab oleh calon dengan baik dalam peperiksaan. Selain itu, menurut Nor'aini (2008) keupayaan memahami teks dalam kalangan pelajar masih kurang memuaskan dan perlu ditangani segera terutamanya bagi pelajar sekolah menengah khasnya dan semua pelajar amnya.

Seterusnya, Rusuhaiza Sulaiman (2009) berpendapat bahawa ketidakupayaan memahami teks pemahaman disebabkan para pelajar tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencakupi strategi membaca yang betul. Hal ini akan menyebabkan mereka tidak dapat memahami dan menguasai teks yang dibaca

dengan baik. Pandangan yang sama turut dinyatakan dalam kajian Yahya Othman (2008), menyatakan bahawa masalah yang timbul ketika membaca ialah terdapat pelajar yang tidak menggunakan strategi yang sesuai semasa membaca. Perkara ini memberi gambaran kepada pengkaji bahawa pelajar masih lagi lemah dari segi penguasaan kemahiran membaca kerana tidak dapat memahami maksud kandungan teks yang dibaca.

Berdasarkan perbincangan diatas jelas wujud masalah dalam memahami teks yang dibaca. Kelemahan dalam menguasai kemahiran membaca menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai kemahiran pemahaman membaca yang lebih tinggi. Oleh itu, strategi PQ4R diketengahkan untuk memantapkan penguasaan kemahiran pemahaman membaca dengan lebih baik dan meningkatkan pemahaman terhadap teks yang dibaca dalam kalangan pelajar. Strategi PQ4R memerlukan keupayaan pembaca menggunakan mental secara optimum dan menggalakkan pelajar menggunakan kemahiran berfikir untuk tujuan memahami teks yang dibaca. Hal ini akan membantu pelajar Orang Asli menguasai kemahiran kefahaman membaca dengan lebih baik.

1.4 Objektif Kajian

1. Menentukan pencapaian pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli sebelum dan selepas menggunakan strategi PQ4R.
2. Menganalisis tahap keaktifan pemahaman teks KOMSAS dalam kalangan pelajar Orang Asli.

1.5 Persoalan kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Apakah pencapaian pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli sebelum dan selepas menggunakan strategi PQ4R.
2. Apakah tahap keaktifan pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli.

1.6 Kepentingan Kajian

Kemahiran memahami teks yang dibaca merupakan salah satu perkara yang penting kepada seseorang pelajar. Hal ini kerana, dengan mempunyai kemahiran membaca seperti strategi PQ4R akan memudahkan seseorang pelajar memahami isi

kandungan bahan yang dibaca terutamanya teks KOMSAS dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Oleh itu, seseorang pelajar yang mempunyai kemahiran membaca yang baik akan dapat menyelesaikan masalah ketidakfahaman ketika membaca teks KOMSAS. Pengkaji berharap melalui kajian ini akan dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran yang aktif di samping meningkatkan minat pelajar untuk membaca bahan bacaan.

Selain itu, kajian ini perlu dilakukan untuk memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya guru bahasa Melayu di sekolah. Melalui kajian ini akan memberi input yang berguna kepada guru bahasa Melayu untuk menggunakan strategi PQ4R dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah yang akan meningkatkan pemahaman membaca pelajar terutamanya ketika menggunakan teks KOMSAS serta dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi maklumat dan menambah pengetahuan kepada guru bahasa Melayu dalam usaha untuk meningkatkan dan memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran terutamanya berkaitan pemahaman teks KOMSAS. Akhirnya kajian ini juga penting untuk memberi maklumat yang berguna kepada institusi yang terlibat dalam merancang strategi yang lebih menarik dan berkesan kepada pelajar semasa menggunakan teks KOMSAS dalam mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah.

1.7 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan kajian di SMK Kuala Krau, Temerloh, Pahang Darul Makmur. Aspek yang dilihat dalam kajian ini adalah untuk menentukan pencapaian pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli sebelum dan selepas menggunakan strategi PQ4R. Seterusnya, kajian ini dijalankan untuk menganalisis tahap keaktifan pemahaman teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dalam kalangan pelajar Orang Asli. Kajian yang dijalankan ini hanya melibatkan seramai 50 orang pelajar Orang Asli tingkatan empat yang dijadikan sebagai sampel kajian dan akan menjalani pra dan pascaujian pemahaman. Terdapat empat teks petikan yang digunakan semasa pra dan pascaujian pemahaman dijalankan dalam kajian ini adalah berdasarkan teks KOMSAS bahasa Melayu dari *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*.

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional yang digunakan oleh pengkaji bertujuan untuk memudahkan pemahaman terhadap kajian yang dijalankan secara lancar dan sistematik. Definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini ialah strategi pembacaan, pemahaman membaca, teks Komponen Sastera (KOMSAS) dan pelajar Orang Asli.

1.8.1 Strategi Pembacaan

Penggunaan strategi pembacaan akan dapat membantu guru untuk menjadikan pengajaran membaca lebih menyenangkan dan bukannya bersifat stereotaip serta membosankan (Yahya, 2004). Selain itu, Safiah Osman (1992) berpendapat strategi pembacaan yang berkesan akan dapat membantu seseorang pembaca membaca secara aktif. Oleh itu, dalam kajian ini strategi pembacaan merujuk kepada strategi PQ4R yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan tahap pemahaman dan penguasaan terhadap teks bacaan. Strategi pembacaan yang digunakan dalam kajian ini adalah strategi PQ4R yang digunakan untuk membantu pelajar Orang Asli memahami teks KOMSAS prosa moden dan tradisional tingkatan 4.

1.8.2 Pemahaman membaca

Pemahaman membaca merujuk kepada kebolehan atau kemampuan seseorang memahami sepenuhnya apa yang dibaca dan merupakan satu proses untuk mendapatkan maklumat daripada komunikasi, sama ada lisan, tulisan atau melalui penggunaan simbol tertentu yang melalui proses mental yang kompleks (Hariss dan Hodge, 1981). Menurut Siti Hajar (1998) pemahaman membaca merujuk kepada kebolehan atau kemampuan seseorang memahami apa yang dibaca dan dapat menerangkan serta membuat kesimpulan semula terhadap bahan bacaan yang telah dibaca. Oleh itu, dalam kajian ini pemahaman membaca merujuk kepada keupayaan pelajar Orang Asli untuk memahami teks KOMSAS prosa moden dan tradisional dengan membaca dan menjawab soalan-soalan petikan pemahaman secara bertulis dalam pra dan pascaujian pemahaman.

1.8.3 Teks KOMSAS

Teks KOMSAS merupakan karya yang terkumpul dalam antologi yang terdiri daripada lima genre iaitu prosa tradisional, puisi tradisional, sajak, cerpen dan drama serta novel yang menjadi genre yang keenam dalam pelaksanaan KOMSAS yang diperuntukkan sebanyak dua daripada enam waktu pembelajaran bahasa Melayu seminggu (Lim Swee Tim, 2005). Manakala, menurut Abd. Murad (2009) teks KOMSAS merujuk kepada teks yang boleh digunakan dalam pengajaran kemahiran bahasa termasuk lisan, pemahaman bacaan, penulisan dan penguasaan tatabahasa serta aspek sociolinguistik. Dalam kajian ini teks KOMSAS merujuk kepada teks *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul* yang mengandungi genre prosa moden dan tradisional. Pemilihan teks KOMSAS sesuai digunakan dalam kajian kerana merupakan teks komponen dalam mata pelajaran bahasa Melayu yang wajib digunakan dan dipelajari oleh pelajar Orang Asli tingkatan empat di SEMEKAR.

1.8.4 Pelajar Orang Asli

Orang Asli merupakan penduduk asal di Semenanjung Tanah Melayu atau Malaysia barat yang terdiri daripada sub-etnik Semai, Senoi, Negrito, Jakun, Jahai, Semoq Beri, Che Wong, Mahmeri dan sebagainya (Siti Jamaiyah et al., 2014). Oleh itu, dalam kajian ini, pelajar Orang Asli merujuk kepada 50 orang pelajar Orang Asli yang bersekolah di SMK Kuala Krau (SEMEKAR) dalam tingkatan 4. Kebanyakan pelajar Orang Asli dalam kajian ini merupakan Orang Asli daripada keturunan Jah Hut.

1.9 Kesimpulan

Dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan latar belakang kajian yang bertajuk ‘Strategi Pembacaan untuk Memahami Teks KOMSAS dalam Kalangan Pelajar Orang Asli’. Latar belakang ini diuraikan secara terperinci berkaitan strategi pembacaan iaitu strategi PQ4R, pemahaman membaca, teks KOMSAS dan pelajar Orang Asli. Kajian ini juga telah membincangkan pernyataan masalah dan objektif kajian. Seterusnya pengkaji juga telah menjelaskan secara konseptual mengenai tajuk kajian dibawah definisi operasional. Oleh itu, pengkaji mengharapkan perbincangan dalam bab ini akan memberi penjelasan pengenalan kajian yang bertajuk ‘Strategi Pembacaan untuk Memahami Teks KOMSAS dalam Kalangan Pelajar Orang Asli’.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Murad Salleh. (2009). Penggunaan buku teks KOMSAS dalam pengajaran bahasa Melayu Tingkatan 4. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Malaya.
- Abdullah Sani. (2007). Budaya Pengajaran (KOMSAS) dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya (Pendeta)*, 3, 87-93.
- Abdul Rahim Abu. (2015). Sikap kanak-kanak orang asli di Kuala Lumpur terhadap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Tesis Ijazah Sarjana*. Universiti Putra Malaysia.
- Amzan Abd Malek. (2001). Kefahaman membaca pelajar sekolah menengah: Satu tinjauan dalam kalangan pelajar tingkatan empat di daerah Raub, Pahang. *Tesis Ijazah Sarjana*. Universiti Putra Malaysia.
- Anderson, J. R. (1980). *Cognitive psychology and its implications*. San Francisco: W.H.Freeman & Company.
- Anderson, J. R. (2010). *Cognitive psychology and its implications (7th Ed.)*. New York: Worth.
- Ausabel, D.P. (1963). *The Psychology of meaningful verbal learning: An introduction to school learning*, New York: Grune & Stratton.
- Carey, I. (1976). *Orang Asli the aboriginal tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Fadzilah Abd. Rahman. (1999). Keberkesanan penerapan gaya pembelajaran sistem 4Mat dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman di sebuah sekolah menengahrendah. *Kertas Projek Ijazah Sarjana Sains*. Universiti Putra Malaysia.
- Fikri Zainul Ahmad & Maryam Isnain Damayanti. (2013). Penerapan strategi PQ4R untuk meningkatkan keterampilan membaca pemahaman pada siswa sekolah Dasar. *Jurnal Penelitian Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 1(2), 0-216
- Goodman, K.S. (1967). Reading a psycholinguistic guessinggame. *Journal of Reading Speacialist* 12(2), 126-135

Hariss, T.L. & Hodge, R.E. (1981). *A Dictionary of Reading and Related Terms*. Newark: Internatioanl Reading Assiciation.

Harley, T. A. (2014). *The Psychology of Language from Data to Theory* (4th ed.) New York, Psychology Press Taylor & Francis Group.

Idrul Hisham Ismail. (2002). Penggunaan sumber berasaskan teknik PQ4R: Keberkesanannya terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah tingkatan 4. *Kertas Projek Ijazah Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Irwin, J.W. (1991). *Teaching reading comprehension processes* (2nd Ed.). Boston: Allyn and Bacon

Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2014). *Data Maklumat Asas Jabatan Kemajuan Orang Asli*. Kuala Lumpur : Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Jeri anak Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 13-25.

Kamarudin Husin. (1998). *Perkaedahan mengajar bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Antologi Jaket Kulit kijing dari Istanbul*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya: Gige Wise Network Sdn. Bhd.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2000-Perlaksanaan KOMSAS dalam mata pelajaran bahasa Melayu sekolah menengah (tingkatan 1-5)*, Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Khairul Hisham Kamaruddin & Ibrahim Ngah. (2007). *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Lim Swee Tim. (2011). *Bahasa di Jajaran Masa: Isu dan Tanggapan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Lim Swee Tin. (2005). *Keberkesanan unsur sastera dalam pembelajaran bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Putra Malaysia.

Maridah Hj. Alias. (2005). Kesesuaian komponen sastera dalam mata pelajaran bahasa Melayu. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Putra Malaysia.

Marohaini Yusoff. (1999). *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Marohaini Yusoff. (2001). Landasan Pengajaran Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 1(6), 20-26.

Mohamad Johdi Salleh & Abdul Razak Ahmad. (2009). Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. In. Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas (Eds.). *Masyarakat Orang Asli : Perpektif Pendidikan dan Sosiobudaya* (pp. 47-58). Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nor'aini Sayati. (2008). Penguasaan memahami teks dalam kalangan pelajar tingkatan empat berdasarkan pencapaian ujian kefahaman dan ujian klotz. *Tesis Ijazah Sarjana*. Universiti Putra Malaysia.

Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Zaini Othman. (2002). Pengujian pemahaman bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 2(2): 34-42

Noor Asiah Mohamad. (2013). Ransangan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid Cina di sekolah rendah, Kelantan, Malaysia. *Tesis Ijazah Sarjana*. Universiti Putra Malaysia.

Noor Rohana Mansor. (2009). Model analisis aras soalan kognitif: kajian terhadap buku teks bahasa Melayu sekolah menengah atas. *Jurnal Melayu* (4):73-9

- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Restio Sidebang. (2016). Pengaruh strategi pembelajaran dan motivasi belajar terhadap kemampuan membaca pemahaman teks narasi siswa. *Jurnal Tematik*, 6(3), 191-198
- Ruhaiza Sulaiman (2009). Hubungan kefahaman bacaan program nilam dengan prestasi pencapaian bahasa Melayu murid Tahun 6. *Tesis Ijazah Sarjana*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rusdi Mat Nor. (2011). Proses kefahaman membaca teks KOMSAS bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina tingkatan empat di SMK Chung Ching, Raub, Pahang. *Tesis Ijazah Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saemah Rahman. (1999). Kesan teknik pemelajaran PQ4R ke atas pemahaman membaca teks. *Jurnal Pendidikan*, 1(24), 71-85.
- Safiah Osman. (1992). Peningkatan kemahiran membaca. *Jurnal Dewan Bahasa*, 36(3), 262-269.
- Saniah Sayuti et al. (2000). *Psikologi Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (1998). Penguasaan pemahaman membaca di kalangan pelajar tingkatan empat di dua buah sekolah menengah di Kajang, Selangor. *Tesis Ijazah Sarjana*. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Halijah Laungeng. (2016). Strategi peta konsep dan strategi tradisional terhadap pencapaian komsas dalam bahasa Melayu pelajar Tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 30-37.
- Siti Jamaiah Noorazawa, Ahmad Muhid & Ramlah Jantan. (2008). Pengajaran membaca berbantuan komputer dan nyanyian dalam kalangan murid-murid Orang Asli. *Asian Education Action Research Journal(AEARJ)*, 3, 26-41.
- Siti Khairiah Mohd Zubir. (2016). *Pengajaran KOMSAS berpusatkan murid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Slavin. (1997). *Educational Psychology: Teory and Practice*, Fifth Edition. Massachusettes: Allyn and Bacon Publisher.

Smith, F. (1994). *Understanding Reading*. Edisi Kelima. Hillsdale New Jersey: Lawrence Erlbau

Syahida Nadia Zakaria. (2015). Kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 12-21.

Thomas, E.L & Robinson, H. A. (1972). *Improving reading in every class: A sourcebook for teachers*. Boston, MA: Allyn & Bacon.

Trianto. (2009). *Model-Model Pembelajaran Inovatif Berorientasi Konstruktivistik*. Jakarta: Kencana.

Tuti Indrawati & Riyadi Mahsuri. (2014). Pengaruh metod pembelajaran preview, question, read, reflect, recite, and review (PQ4R) terhadap kemampuan membaca pemahaman. *Jurnal Didaktika Dwija Indria (SOLO)*, 2(9).

Wan Afizi Wan Hanafi , Shaharudin Ahmad, & Noraziah Ali. (2014). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak orang asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *Geografia Online Malaysian Journal Og Society and Space*, 5(5), 107-122.

Wan Dyarudin Wan Mustappa. (2017). Keberkesanan teknik membaca SQ3R dalam pengajaran kefahaman membaca di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1):1-10.

Wan Khairoslinda Wan Mohd Khairi. (2009). Pemahaman bahasa kanak-kanak terhadap cerita rakyat tempatan: satu analisis psikolinguistik. *Tesis Ijazah Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Williams, S. (2005). Guiding students through the jungle of research-based literature. *College Teaching*, 22(4), 137-139.

- Wiji Lestari. (2011). *Meningkatkan kemampuan membaca pemahaman melalui metode Preview, Questions, Read, Reflect, Recite, and Review (PQ4R) pada pelajaran bahasa Indonesia siswa kelas V SDN 018 Pagaruyung Kecamatan Tapung Kabupaten Kampar*. Skripsi Sarjana Pendidikan, Pekan Baru: Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Whitman, N. R. (2016). A Comparison of the Impacts of PQ4R and Mind Mapping. *The Ohio Social Studies Review*, 52(2), 63-72.
- Woolfolk, A. E. (1995). *Educational Psychology*. Ed. Ke-6. Boston: Allyn & Bacon
- Yahya Che Lah. (2014). *Kefahaman bahasa Melayu murid tahun II sekolah rendah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Yahya Othman. (2003). *Mengajar Membaca: Teori dan Aplikasi*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam Pengajaran bahasa Melayu*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yap Swee Poh. (2011). Keupayaan memahami teks bahasa Melayu berbentuk prosa dalam kalangan murid tingkatan 1. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Malaya.
- Yahya Othman. (2006). *Proses pemahaman teks akademik dalam kalangan pelajar universiti*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Yahya Othman. (2008). *Proses & Strategi Membaca Berkesan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Yahya Othman & Maszuraimah Muizz Sulaiman. (2013). Aplikasi strategi kesedaran metakognitif semasa membaca teks moden dan klasik dalam kalangan murid prauniversiti. *Jurnal Pendidikan bahasa Melayu*, 3(1), 61-71.
- Yap Swee Poh. (2011). Keupayaan memahami teks bahasa Melayu berbentuk prosa dalam kalangan murid tingkatan 1. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Malaya.
- Zaliza Mohammad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 134, 408-415.

Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). Masalah pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu di sekolah dlm. Pendeta Jilid 11. *Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zamri Mahamod. (2007). *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemerolehan Bahasa Pertama dan Kedua*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Zamri Mahamod, 2014. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zulkiflie Mat Top. (2007). *Kesedaran metakognisi terhadap pemahaman bacaan teks prosa tradisional dalam kalangan pelajar tingkatan satu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.

Zulkifley Hamid. (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.